

09 MAR 2000

Amerika-Malaysia

HUBUNGAN AMERIKA-M'SIA DINGIN TETAPI TIDAK BEKU, KATA PEGAWAI

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 9 Mac (Bernama) -- Hubungan Washington-Kuala Lumpur mungkin dingin tetapi tidak beku, kata seorang pegawai Amerika Syarikat hari ini.

Pegawai itu yang tidak mahu namanya disiarkan berkata, hubungan antara kedua-dua negara masih wujud dengan "hubungan perniagaan dan ekonomi kita masih baik sementara kerjasama ketenteraan masih kukuh".

"Apa yang tidak baik sekarang ialah hubungan politik," kata beliau.

Pegawai itu berkata, pertukaran lawatan antara pegawai-pegawai tinggi kedua-dua negara, sebagai contoh tidak mungkin berlaku sehingga pentadbiran Clinton tamat Januari depan.

Pegawai itu berkata demikian untuk menjelaskan ulasan Penolong Setiausaha Negara Bagi Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Stanley Roth yang berkata di Hong Kong minggu lepas bahawa "sehingga terdapat perubahan dalam dasar, adalah sukar untuk membayangkan hubungan mesra antara Amerika Syarikat dan Malaysia."

Roth mendakwa yang tindakan tegas kerajaan Malaysia terhadap pembangkang baru-baru ini dan perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah petunjuk yang rekod hak asasi manusia semakin merosot di Malaysia dan undang-undang semakin diketepikan.

Roth berkata, adalah sukar untuk memahami mengapa tindakan tegas itu diteruskan walaupun selepas parti Barisan Nasional (BN) pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memenangi pilihan raya pada 29 Nov lepas.

Pegawai itu berkata yang Washington tidak menganggap Dr Mahathir sebagai diktator atau seorang lagi "Pinochet "(bekas presiden Chile) tetapi memandang berat tindakan menindas beliau dalam kes Anwar, pembangkang semasa pilihan raya, media dan badan kehakiman."

"Apa yang berlaku di Malaysia sejak 18 bulan lepas bukanlah satu kerajaan yang mereka (pentadbiran Clinton) mahu dikaitkan dengan," katanya.

-- BERNAMA

SH AAM PR